



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.BK(S)215/80/2 Jld.6 (37)

2 Mei 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN DASAR KEMAJUAN KERJAYA LALUAN SECARA PANTAS (FAST TRACK) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan sedia maklum, pelaksanaan dasar kemajuan kerjaya laluan secara pantas (fast track) telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2016 (PP 8/2016). PP 8/2016 menetapkan bahawa pegawai yang berpeluang untuk dipertimbangkan ke laluan *fast track* adalah pegawai yang **dikenalpasti oleh Ketua Jabatan**.

3. Di samping kaedah pengenalpastian oleh Ketua Jabatan, pegawai yang berpotensi tinggi sepertimana yang ditetapkan dalam PP 8/2016, **boleh mengemukakan permohonan untuk ke laluan *fast track*** secara terus kepada JPA. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Pencalonan ke Laluan *Fast Track* seperti di **Lampiran A** (Lampiran A adalah maklumat asas pegawai. Data terperinci akan diperolehi daripada HRMIS. Oleh itu, pegawai bertanggungjawab memastikan data pegawai dalam HRMIS adalah data yang telah dikemaskini).

4. Bagi tujuan Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris [English Language Proficiency Assessment (ELPA)] sepertimana yang ditetapkan dalam PP 8/2016, Ujian Pra Kelayakan ELPA (Pre ELPA Qualifying Test) secara atas talian akan dilaksanakan sebelum pegawai menduduki ELPA. Carta alir pelaksanaan laluan *fast track* yang baharu adalah seperti di **Lampiran B**.

5. Penambahbaikan ini adalah terpakai di Perkhidmatan Awam Persekutuan. Bagi Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan, pelaksanaan adalah tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing. Sekiranya diterima pakai, permohonan pegawai hendaklah dikemukakan kepada Pengurus Sumber Manusia agensi masing-masing manakala bagi pelaksanaan Ujian Pra Kelayakan ELPA, permohonan boleh dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA melalui emel ft@jpa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)

BORANG PERMOHONAN PENCALONAN KE LALUAN *FAST TRACK***A. BUTIR-BUTIR PERIBADI**

- a) Nama : b) No. Kad Pengenalan :
 c) No. Telefon (Pejabat) : (Telefon Bimbit) :
 d) Alamat emel : e) Penempatan Semasa :

B. BUTIRAN PERKHIDMATAN

- a) Ringkasan Perkhidmatan (Jika perlu, helaian baru boleh ditambah)

Bil.	Kementerian/ Jabatan/ Bahagian/ Cawangan	Gred	Tempoh
1			
2			
3			

C. MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI 3 TAHUN TERKINI (sekurang-kurangnya mencapai markah 90% bagi setiap tahun)

Tahun			
Markah			

D. ASAS PERMOHONAN (Pegawai dikehendaki menyatakan aspek yang melayakkan pegawai untuk memasuki laluan *fast track*)

(Jika perlu, helaian baru boleh ditambah)

E. PENGAKUAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberi adalah benar. Sekiranya saya mengemukakan maklumat palsu, tindakan tatatertib akan dikenakan berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa.


Tandatangan :

Tarikh :

Nota: Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, borang permohonan ini perlu dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam menerusi emel ft@jpa.gov.my

LAMPIRAN B

CARTA ALIR PELAKSANAAN LALUAN *FAST TRACK*



* Penilaian Pihak Ketiga (*English Language Proficiency Assessment*, Penilaian Kepimpinan, Ujian Psikometrik, Ujian Kesejahteraan Holistik dan Ujian Kecergasan & Jasmani Kebangsaan)